



## CARA MEMOHON

- Pemohon perlu melengkapkan Borang JSANK AT1/2021:  
**Permohonan Kebenaran Abstraksi Air Tanah (1 salinan)**
- Antara dokumen yang diperlukan disediakan:
  - Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM)
  - Salinan kad Pengenalan Pemohon
  - Kelulusan kebenaran menggali daripada Jabatan atau Lain-lain agensi
  - Salinan Geran Tanah
  - Salinan Hak Milik Tanah atau perjanjian sewa dengan pemilik



Seksyen 13 (1), Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan  
2019 :-

"Tiada orang boleh mengabstrak air tanah atau menjalankan apa-apa kerja yang berkaitan dengan air tanah seperti mengorek,menggerudi,menggali atau dengan cara lain membuat sebuah perigi untuk tujuan mengambil air darinya melainkan dibenarkan melalui sesuatu lesen yang dikeluarkan dibawah seksyen 12"

## HUBUNGI KAMI



Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan  
Aras Bawah, Blok 4,  
Kompleks Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu,  
Kelantan



Phone: 09-7475240  
Fax: 09-7475220



Email: jsank@kelantan.gov.my  
Laman Sesawang :  
<http://jsank.kelantan.gov.my>  
Facebook : Jabatan Sumber Air Negeri  
Kelantan  
Tiktok: Jsankelantan

*"Air Sumber Kehidupan"*



## ABSTRAKSI AIR TANAH



JABATAN SUMBER AIR NEGERI  
KELANTAN



## JABATAN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN

- Berperanan menjaga sumber air di negeri Kelantan & telah mewajibkan permohonan lesen oleh mana-mana pemaju dikemukakan dan diluluskan sebelum sesuatu projek yang berkaitan dengan sumber air dijalankan
- Kebenaran perlesenan ini amat perlu dalam menitikberatkan penjagaan alam sekitar sumber air di Negeri Kelantan
- berperanan mengawal, melindungi dan memulihara sumber air bumi dari diabstrak melebihi had, dibazirkan, tercemar atau timbul kesan sampingan yang lain seperti pemendapan tanah dan bertujuan memantau abstraksi air telaga seimbang mengikut kadar luahan selamat sesuatu kawasan

## PELESENAN ABSTRAKSI AIR TANAH

- Air Tanah adalah bahagian air yang mengalir atau meresap ke\_bawah permukaan bumi yang menepukan tanah atau batuan seterusnya membekalkan mata air ke dalam telaga atau perigi atau mana-mana ruang yang terbuka
- air bawah tanah boleh dijadikan sumber air alternatif untuk pelbagai kegunaan termasuk perindustrian, pertanian dan domestik melalui beberapa kaedah dan proses yang bersesuaian
- Setiap aktiviti yang dijalankan berkaitan air tanah seperti mengorek,mengerudi, menggali atau dengan cara lain untuk tujuan mengambil air bagi kegunaan aktiviti komersial (perniagaan) perlu memohon kebenaran menggali serta memohon lesen daripada pengarah Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri
- Mana-mana pemaju atau syarikat yang gagal mendapatkan lesen daripada Pengarah Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan, denda tidak melebihi RM300,000.00 atau tambahan denda dikenakan sebanyak RM1,000.00 sehari bagi setiap hari jika kegagalan atau pelanggaran itu berterusan

## SIAPA YANG PERLU MEMOHON?

- Pemohon yang mengabstraksi air tanah untuk tujuan **BEKALAN AIR INDUSTRI** atau **KOMERSIAL**
- Pemohon juga boleh terdiri daripada kategori **domestik** atau **penggunaan awam** yang menggunakan air melebihi **2,500 liter/hari**
- sektor atau pihak yang perlu memohon serta memiliki kelulusan atau lesen bagi tujuan pengambilan,pembekalan atau pengeluaran air tanah dengan tujuan komersial adalah seperti berikut :
  - Perindustrian
  - Sektor Pembinaan
  - Perladangan & Pertanian Komersial
  - Penternakan
  - Perkhidmatan Dobi
  - Perkhidmatan Cuci Kereta
  - Kolam Pancing
  - Perhotelan/Homestay
  - Pusat Pengajian / Akademi / Bangunan
  - Pertanian Tanah Tinggi Lojing
  - Pengeluaran air bawah tanah
  - Kilang Pengeluaran berdasarkan air
  - Pembekal Air Batu (Ais)
  - Dan lain-lain aktiviti berkaitan

## KADAR LESEN DAN CAJ

- Fi Proses : RM 150.00
- Fi Lesen Kebenaran menggali: RM 150.00
- Fi lesen Air Tanah : RM 200.00
- Caj Penggunaan Abstraksi Air Tanah:-
- **Komersial :** RM 0.05 per m<sup>3</sup>
- **Penggunaan Awam / Domestik :** RM 0.01 per m<sup>3</sup>